



Cara Mudah Daftar dan Guna e-Invois untuk Bisnes Kecil Anda

oleh **Mohd Arshad** — 03/07/2025 dalam **Terkini, Utama & Sensasi**

0



Share on Facebook

Share on Twitter



Oleh Mynewshub

KUALA LUMPUR, 1 Julai 2025 – Dalam era digitalisasi perniagaan, sistem e-Invois yang dibangunkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HAsiL) telah membuka ruang kepada pengurusan operasi yang lebih cekap dan berautomasi. Inisiatif ini direka untuk menyokong keperluan operasi harian, terutamanya bagi Perusahaan Kecil, Mikro dan

Sederhana (PMKS) dalam mengurus perekodan serta aktiviti perniagaan dengan lebih sistematik.

Apa Itu e-Invois?

e-Invois merupakan invois elektronik yang membolehkan maklumat transaksi perniagaan dilaporkan secara digital terus kepada HASiL. Ia menggantikan penggunaan invois tradisional seperti invois bercetak atau dalam format PDF. Melalui sistem ini, pengoperasian perniagaan dapat dilaksanakan dengan lebih telus, efisien dan mudah, sekali gus memudahkan pematuhan cukai secara menyeluruh.

Kelebihan e-Invois untuk Bisnes Kecil

Dengan penggunaan e-Invois, pemilik perniagaan tidak lagi perlu risau tentang kehilangan resit kerana semua rekod transaksi disimpan secara digital. Ini memudahkan semakan jualan, di mana maklumat perniagaan dapat diakses dengan mudah pada bila-bila masa bagi tujuan semakan atau rujukan. Di samping itu, e-Invois turut menyokong pematuhan cukai yang lebih tepat dan telus, sekaligus mengurangkan risiko kesilapan atau keperluan semakan audit. Penggunaan sistem invois yang sah dan profesional juga meningkatkan keyakinan pelanggan serta pembekal terhadap perniagaan anda. Malah, rekod kewangan yang lengkap dan tersusun dengan menggunakan e-Invois dapat memudahkan urusan permohonan pinjaman atau pembiayaan daripada institusi kewangan.

MyInvois

GARIS MASA PELAKSANAAN E-INVOIS TERKINI
(DIKEMAS KINI PADA 5 JUN 2025)

FASA	SASARAN PEMBAYAR CUKAI	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta	1 Ogos 2024
2.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta	1 Januari 2025
3.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM5 juta dan sehingga RM25 juta	1 Julai 2025
4.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM1 juta dan sehingga RM5 juta	1 Januari 2026
5.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM1 juta	1 Julai 2026

NOTA:
Pembayar cukai adalah layak menikmati tempoh kelonggaran interim selama enam (6) bulan dari tarikh pelaksanaan mandatori bagi setiap fasa pelaksanaan

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois dan Portal MyInvois:

www.hasil.gov.my/e-invois 03-8682 8000 (Talian 24 jam)

www.hasil.gov.my @myinvoishasil

Garis Masa Pelaksanaan: e-Invois dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa berdasarkan jumlah pendapatan atau jualan tahunan perniagaan.

MyInvois: Kemudahan e-Invois Percuma untuk Semua Jenis Perniagaan

Bagi menyokong pelaksanaan e-Invois secara menyeluruh dan inklusif, HASiL telah menyediakan dua mekanisme percuma yang mesra pengguna — Portal MyInvois dan Sistem MyInvois e-POS.

Portal MyInvois merupakan platform penghantaran e-Invois yang disediakan secara percuma melalui Portal MyTax, iaitu gerbang e-Perkhidmatan rasmi HASiL. Ia direka khas untuk pembayar cukai yang belum mempunyai sistem perniagaan tersendiri, terutamanya perusahaan mikro dan kecil. Portal ini membolehkan pengguna mengemukakan e-Invois dengan mudah, bila-bila masa dan di mana jua, sama ada menggunakan komputer, komputer riba mahupun telefon pintar.

Melengkapi fungsi ini, Sistem MyInvois e-POS pula adalah platform digital *Point-of-Sale* (POS) yang turut ditawarkan secara percuma kepada perusahaan mikro dan kecil. Sistem ini bukan sahaja membantu dalam pengurusan jualan, perakaunan, inventori dan laporan kewangan, malah membolehkan penjual menjana e-Invois secara automatik ketika transaksi dilakukan. Pembeli juga boleh memohon e-Invois selepas transaksi, menjadikan proses ini lebih fleksibel dan efisien.

Dengan kedua-dua kemudahan ini, HASiL menyediakan sokongan yang komprehensif bagi membantu pembayar cukai melaksanakan e-Invois secara sistematik, cekap dan tanpa kos tambahan sebagai langkah proaktif ke arah pendigitalan sistem percukaian negara secara menyeluruh.



**DIGITALISASI DOKUMEN
PERNIAGAAN MENJADI
LEBIH MUDAH DENGAN**

Myinvois

Akses Portal MyInvois melalui Portal MyTax sekarang!

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois dan Portal MyInvois:

www.hasil.gov.my/e-invois 03-8682 8000 (Talian 24 jam)

www.hasil.gov.my @myinvoishasil @myinvoishasil @myinvoishasil @myinvoishasil

Portal MyInvois merupakan platform penghantaran e-Invois yang
disediakan

secara percuma melalui Portal MyTax, iaitu gerbang e-Perkhidmatan
rasmi HASiL.



**5 LANGKAH UTAMA UNTUK MENGEMUKAKAN E-INVOIS
MELALUI PORTAL MYINVOIS**

1 Log masuk Portal MyInvois melalui Portal MyTax
<https://mytax.hasil.gov.my>
Selepas pengaktifan MyTax kali pertama, hantar permohonan peranan seperti berikut:
Peranan **Pengarah Syarikat / Pentadbir Organisasi** - bagi semua kategori pembayar cukai selain milikan tunggal.
Peranan **Pemilik Perniagaan** - bagi milikan tunggal sahaja.

2 Akses Portal MyInvois dan lengkapkan maklumat profil
Lengkapkan maklumat profil pembayar cukai dan pengguna serta tetapan 'permission' bagi wakil yang dilantik.

3 Lengkapkan maklumat transaksi bagi pengemukaan e-Invois

- Pilih jenis dokumen e-Invois yang hendak dikemukakan.
- Lengkapkan maklumat Penjual dan Pembeli, maklumat transaksi barangan / perkhidmatan yang terlibat dan maklumat lain (jika ada).
- Hantar dan tandatangan secara digital sekiranya telah lengkap.

4 Kongsi paparan visual e-Invois kepada pembeli
Setelah dokumen disahkan, paparan visual e-Invois boleh dimuat turun atau dicetak dari Portal MyInvois untuk dikongsikan kepada pembeli.

5 Semak dokumen perniagaan secara digital pada bila-bila masa dan di mana jua
Semua e-Invois yang dihantar dan diterima akan disimpan di Portal MyInvois. Mudah dan selamat.

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois dan Portal MyInvois:

www.hasil.gov.my/e-invois 03-8682 8000 (Talian 24 jam)

www.hasil.gov.my @myinvoishasil @myinvoishasil @myinvoishasil @myinvoishasil

Nak mula e-Invois tapi tak pasti caranya? Ikuti 5 langkah utama ini untuk
pastikan

setiap invois anda dikemukakan dengan betul, mudah dan tersusun.

Panduan Untuk Usahawan Kecil

Bagi memastikan penggunaan e-Invois yang lebih cekap, pemilik perniagaan disarankan untuk menyimpan maklumat pelanggan dan produk di dalam sistem. Langkah ini membolehkan e-Invois dijana dengan lebih pantas dan menjimatkan masa. Selain itu, pastikan e-Invois dikeluarkan secepat selepas transaksi jualan dilakukan bagi memastikan rekod sentiasa terkini dan teratur. Bagi memudahkan akses, pengguna digalakkan menggunakan peranti mudah alih atau komputer riba supaya e-Invois dapat diakses diurus dengan lebih fleksibel, pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Kesimpulan

Penggunaan e-Invois bukan sekadar memudahkan urusan percukaian, malah turut membantu meningkatkan tahap profesionalisme dan kecekapan pengurusan perniagaan anda. Jangan tunggu hingga ke saat akhir! Daftarlh sekarang dan bersedia menghadapi era pendigitalan cukai yang lebih sistematik dan teratur.

Layari <https://www.hasil.gov.my/e-invois/> untuk maklumat lanjut dan panduan lengkap pelaksanaan e-Invois.

MyInvois
LHDN MALAYSIA

**NILAI AMBANG PENGECUALIAN
PELAKSANAAN E-INVOIS TERKINI**

**Pembayar cukai dengan pendapatan
atau jualan tahunan
kurang daripada RM500,000***

Walau bagaimanapun, pembayar cukai dalam kategori ini amat digalakkan untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela bagi mendigitalkan dokumentasi dan meningkatkan kecekapan operasi perniagaan.

* Bagi perniagaan sedia ada yang telah beroperasi, penentuan tarikh pelaksanaan e-Invois adalah berdasarkan pendapatan atau jualan tahunan yang dinyatakan dalam penyata kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan 2022, atau yang dilaporkan dalam borang nyata bagi tahun takwiran 2022. Bagi perniagaan baharu, sila rujuk perenggan 1.5, Garis Panduan e-Invois.

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois dan Portal MyInvois:

www.hasil.gov.my/e-invois ☎ 03-8682 8000 (Talian 24 jam)

www.hasil.gov.my [f @myinvoishasil](#) [X @myinvoishasil](#) [T @myinvoishasil](#) [@myinvoishasil](#)

Pembayar cukai yang mencatatkan pendapatan atau jualan tahunan kurang daripada RM500,000* adalah dikecualikan daripada pelaksanaan e-Invois.

Tags: [Bisnes Kecil](#) [E-invois](#) [LHDN](#)

[Share](#) 196

[X](#) [Tweet](#) 123

[Send](#)

[Share](#)